

Newspaper	Selangor Kini
Date	18/08/2017

Serangan dilakukan beberapa individu ketika Program Nothing To Hide 2.0 (NTH 2.0), di Dewan Raja Muda Musa di Kompleks Belia dan Kebudayaan, Shah Alam



Cari segera dalang serangan *Nothing To Hide 2.0*

Selangorkini
- 18/8/2017 pg. 4

SHAH ALAM - Dalang di sebalik serangan dan kekecohan pada Program *Nothing To Hide 2.0* (NTH 2.0) perlu dikenal pasti segera.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali turut mengecam sekeras-kerasnya tindakan beberapa individu yang mengancam keselamatan awam dan mencetuskan kekecohan pada NTH 2.0, pada 13 Ogos lalu.

Mohamed Azmin menggesa pihak polis segera melakukan siasatan dan mengambil tindakan tegas selain menyifatkan perbuatan tidak bertanggungjawab itu sebagai tindakan pengecut daripada pelaku yang diyakini mewakili pihak tertentu.

"Saya mahu @PDRMsia

melakukan siasatan segera dan mengambil tindakan tegas terhadap insiden yang jelas mengganggu ketenteraman awam," katanya dalam catatan beliau di laman Twitter.

Dalam kejadian itu, tiga suspek yang didakwa menyebabkan gangguan itu ditangkap dan diserahkan kepada polis.

Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berkata, tiga suspek itu tidak memenuhi syarat umur minimum keanggotaan dan nama mereka tidak berada dalam daftar keahlian parti.

"Persoalannya, jika mereka bukan ahli Pemuda Bersatu, siapa

yang menghantar mereka untuk mencederakan Tun Mahathir?" katanya.

Terdahulu, NTH 2.0 berlangsung tanpa kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak seperti program sulung NTH, pada dua tahun lalu.

Bagaimanapun, program yang berjalan lancar di Dewan Raja Muda Musa di Kompleks Belia dan Kebudayaan, di sini, bertukar menjadi kecoh apabila beberapa individu bertindak membaling kasut, kerusi dan flare ke arah Tun Dr Mahathir yang sedang berucap, namun beberapa petugas keselamatan berjaya melindungi bekas perdana menteri itu daripada serangan berkenaan.